

Kajian Persepsi Keberkesanan Program Latihan Maktab Kerjasama Malaysia

Nurizah Noordin
Ramlan Kamsin
Noraesyah Saari
Hasrin Abu Hassan
Yusnita Othman
Dis 2006

Ringkasan Eksekutif

Kajian ini secara amnya bertujuan untuk mengenal pasti kepuasan hati peserta kursus terhadap program latihan dan mengukur persepsi peserta terhadap keberkesanan program latihan jangka pendek yang dijalankan di dalam kampus induk MKM.

Seramai 873 peserta yang telah menghadiri program latihan di MKM antara Jun hingga Disember 2005 dipilih sebagai sampel kajian. Sampel ini terdiri daripada Anggota Lembaga, Jawatankuasa Kecil, Jawatankuasa Audit Dalaman, Ahli Jawatankuasa Kecil Koperasi, tenaga kerja koperasi, pegawai-pegawai agensi dan anggota koperasi.

Daripada kajian yang dijalankan didapati lebih dari 50 % program latihan MKM yang dijalankan sepanjang tahun 2005 adalah program latihan jangka pendek dalam kampus manakala 45 % adalah program latihan luar kampus. Bagaimanapun hampir 60 % dari jumlah peserta yang hadir telah dilatih melalui program latihan luar kampus, seperti kursus pendidikan anggota dan program anjuran bersama MKM-JPK.

Secara kasar bilangan koperasi yang hadir hanya mewakili 7.1 % (272 buah) daripada jumlah koperasi aktif di 13 buah negeri tidak termasuk Sabah. Koperasi yang paling banyak menghantar wakil adalah dari Wilayah Persekutuan diikuti dengan Perak, Selangor, Johor dan Pahang manakala paling sedikit adalah dari negeri Perlis dan Pulau Pinang.

Di dapati juga majoriti peserta yang menghadiri program latihan jangka pendek dalam kampus adalah terdiri daripada individu (pegawai menyelia koperasi dan individu lain) yang tidak secara langsung menguruskan koperasi. Hanya 28.4 % daripada peserta yang hadir dalam tempoh ini adalah mereka dari kumpulan pengurusan atasan koperasi (ALK, JAD dan AJKK) manakala 11.7 % adalah kakitangan peringkat perkeranian.

Kajian ini juga mendapati peserta mempunyai pandangan yang baik dan meletakkan harapan yang tinggi terhadap program latihan MKM. Malah responden juga percaya bahawa program latihan MKM berkait langsung dengan tugas mereka di koperasi. Berdasarkan kepada kenyataan-kenyataan yang digunakan sebagai ukuran, secara purata peserta di dapati berpuas hati dengan program latihan yang telah diikuti. Mereka berpandangan bahawa kandungan kursus dan kaedah pengajaran yang digunakan mempunyai kaitan secara langsung dengan tugas mereka dan telah memberi manfaat kepada mereka.

Kajian juga menunjukkan bahawa program latihan MKM telah berjaya membantu dan membawa manfaat kepada warga koperasi. Malah lebih dari dua pertiga (66.5%) daripada responden menyatakan pengetahuan yang mereka peroleh boleh digunakan dengan banyaknya. Daripada analisis juga dapat disimpulkan bahawa faktor peribadi adalah merupakan pendorong utama yang membolehkan latihan dapat diaplikasikan kepada tugas di koperasi.

Penemuan dari kajian ini memberi maklum balas yang berharga kepada Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) khususnya bagi tujuan merancang dan menambah baik program latihan jangka pendek pada masa hadapan. Beberapa tindakan dicadangkan antaranya kajian semula fokus latihan dan pendidikan, meluaskan capaian program latihan dan mengkaji keperluan latihan warga koperasi.

Untuk menilai keberkesanan program latihan MKM dengan lebih objektif dan menyeluruh, MKM perlu mengadakan Petunjuk Prestasi Latihan (*Training Key*

Performance Indicator). Beberapa aspek penemuan kajian ini boleh digunakan sebagai asas untuk merangka Petunjuk Prestasi Latihan MKM.